



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 31 OGOS 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BANTUAN TAMBAHAN RM2.8 JUTA KEPADA PESAWAH TERKESAN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	LEBIH 6,000 PEKERJA KEBUN SAYUR DIVAKSIN, MSN NEWS -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	CELEBRATING MERDEKA, NATION, THE STAR -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	4,206 NELAYAN DI PERAK DIBANTU SEJAK MAC TAHUN LALU, HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	LEBIH 1,000 JALUR GEMILANG HIASI 30 BOT NELAYAN, HM -ONLINE	
6.	LKIM PERAK AGIH BANTUAN BAKUL MAKANAN BERJUMLAH RM59,406, LOKAL, HM -20	
7.	30 BOT NELAYAN BERARAK KIBAR JALUR GEMILANG, NASIONAL, BH -14	
8.	NEKMAT MINTA LONGGARKAN KEMASUKAN PEKERJA LAUT DALAM, UM -ONLINE	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
9.	52 TAHUN BERSAMA BAGAI AUR DENGAN TEBING, BH -29	AGROBANK
10.	52 TAHUN BERSAMA BAGAI AUR DENGAN TEBING, SH -7	
11.	52 YEARS TOGETHER AND LOOKING AFTER ONE ANOTHER, THE STAR -17	
12.	TERPAUT HATI DI JELAPANG PADI, MSN NEWS -ONLINE	LAIN-LAIN
13.	TERPAUT HATI DI JELAPANG PADI, BH -ONLINE	
14.	KUALA PILAH DAERAH AGROEKONOMI, BERSAMA BEBASKAN COVID-19, KOSMO -18	
15.	KUALA PILAH DAERAH AGROEKONOMI, BERSAMA BEBASKAN COVID-19, UM -18	
16.	PATIN MUNCUNG HARGA EMAS, MUKA DEPAN, KOSMO -1	
17.	PATIN MUNCUNG SUDAH PUPUS, NEGARA, KOSMO -2	
18.	MULA TERANCAM KERANA TIADA ETAK, SIPUT, KOSMO -2	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Bantuan tambahan RM2.8 juta kepada pesawah terkesan



Ronald dalam acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani selepas selesai istiadat mengangkat sumpah pada Isnin

PUTRAJAYA – Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengumumkan bantuan tambahan sebanyak RM2.8 juta melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada pesawah-pesawah yang terkesan akibat bencana alam yang berlaku di Yan dan Kuala Muda, Kedah baru-baru ini.

Menurutnya, kadar bantuan yang diberikan itu adalah sebanyak RM1,800 per hektar dengan keluasan maksimum sebanyak tiga hektar.

“Penilaian bagi pesawah yang terlibat akan dilaksanakan oleh jabatan teknikal tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan,” katanya.

Beliau mengumumkan perkara itu selepas diberikan taklimat ringkas oleh pengurusan tertinggi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenai situasi banjir di Kedah dalam acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani selepas selesai istiadat mengangkat sumpah pada Isnin.



Ahmad dalam acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani selepas selesai istiadat mengangkat sumpah pada Isnin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan pegawai-pegawai kanan MAFI.

Ronald pada Isnin telah dimaklumkan bahawa 34.2 hektar kawasan tanaman padi di kawasan Boi, Yan yang berusia antara 75 hingga 105 hari di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah terjejas.

Bagi kawasan luar jelapang yang terkesan adalah di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok seluas 18.4 hektar yang berusia antara 95 hingga 105 hari serta kawasan di bawah seliaan Jabatan Pertanian melibatkan 15,759 hektar berusia antara 95 hingga 110 hari.

Ini menjadikan keseluruhan keluasan yang terlibat adalah 15,811.6 hektar dan bilangan keseluruhan pesawah yang terkesan masih dalam banciaan.

Dalam pada itu, MAFI memaklumkan akan memperuntukkan bantuan lain daripada Tabung Bantuan Bencana Agromakanan bagi golongan sasaran dalam meneruskan kelangsungan hidup disebabkan pendapatan mereka yang telah terjejas.

“Kerajaan sebelum ini telah memperuntukkan sebanyak RM80 juta untuk tabung berkenaan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi membantu pesawah, petani dan penternak yang kehilangan hasil akibat daripada bencana alam.

Ronald (empat dari kiri), Ahmad (kiri berbaju Melayu), Nik Muhammad Zawawi (kanan berbaju Melayu) bergambar bersama pegawai-pegawai kanan MAFI pada Isnin.



“Sehingga 30 Ogos 2021, MAFI telah menyalurkan sejumlah RM4.34 juta kepada golongan sasaran yang terjejas akibat bencana alam daripada tabung ini,” katanya.

MAFI berkata, bagi membantu meringankan beban golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana ini juga, pihaknya telah menggerakkan bantuan bakul makanan melalui inisiatif MAFI Prihatin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	MSN NEWS	ONLINE	

## Lebih 6,000 pekerja kebun sayur divaksin



© Provided by Berita Harian Pekebun sayur menerima suntikan vaksin COVID-19 pada Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) Negara di Kampung Raja.- Foto NSTP/Mohd Rafi Mamatbhnews@bh.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Jabatan Pertanian Negeri Pahang (JPNP) menjangkakan lebih 6,000 pengusaha dan pekerja kebun sayur di daerah ini menerima vaksinasi COVID-19 menerusi Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) Negara.

Timbalan Pengarah Pertanian (Pengembangan) Pahang, Nor Edasuriati Ibrahim, berkata program itu adalah inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk meningkatkan pengambilan vaksin golongan yang terbabit dalam sektor agromakanan.

Katanya, tindakan itu memandangkan sektor ini dikategorikan, salah satu sektor ekonomi yang kritikal dan dibenarkan beroperasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, inisiatif dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) itu bertujuan, mempercepatkan pemberian vaksinasi seterusnya mencapai imuniti selain bagi melindungi golongan pekerja.

"Program berkenaan membabitkan semua jabatan dan agensi di bawah MAFI di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Kita jangkakan semua yang terbabit dengan sektor agromakanan daerah ini akan lengkap divaksinasi bulan depan.

"Program AiVAC di daerah ini adalah yang pertama di negeri ini dan yang ketiga peringkat kebangsaan selepas Johor dan Kedah," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran Program AiVAC yang disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) Datuk Eliyas Saad

di Kampung Raja, di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Setiausaha Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan, Mazlan Othman.

Nor Edasuriati berkata, program berkenaan diadakan selama tiga hari, mendapat sambutan menggalakkan daripada semua pihak yang terbabit dalam sektor agromakanan di daerah ini.

"Daerah ini menjadi pengeluar utama sayur di negara ini, sekiranya pengusaha dan pekerja kebun tidak mendapat vaksinasi ia akan menjejaskan pengeluaran hasil pertanian itu.

"Kita juga menggalakkan mereka yang terbabit dalam sektor pertanian, ternakan dan perikanan supaya dapat menganjurkan program vaksinasi dengan kerjasama agensi kerajaan yang bertanggungjawab," katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	THE STAR	NATION	10

## Celebrating Merdeka

Fishermen in their boats decorated with the Jalur Gemilang taking part in the Malaysian flag campaign implemented by the Fisheries Development Authority of Malaysia in Labuan, Sabah. The programme is in conjunction with the National Day celebrations today.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## 4,206 nelayan di Perak dibantu sejak Mac tahun lalu [METROTV]



Lumut: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak mengagihkan bantuan bakul makanan berjumlah RM59,406 kepada 4,206 komuniti nelayan susulan pandemik Covid-19 di seluruh negeri itu, sejak Mac tahun lalu.

Pengarahnya, Mohamad Rizal Sahari berkata, ia diagihkan melalui bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin.

Beliau berkata, LKIM sentiasa memainkan peranan sebagai agensi dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perikanan negara serta memastikan bekalan ikan mencukupi termasuk membantu nelayan yang memerlukan.

"Bantuan bakul makanan keperluan asas seperti tepung, beras minyak, gula dan biskut diagihkan kepada nelayan sebagai tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial kita bersama Persatuan Nelayan Kawasan bagi meringankan beban mereka.

"Selain mengagihkan bantuan, kami mengedar dan mengibarkan Jalur Gemilang bersama komuniti nelayan di jeti berkenaan bagi menyemarakkan semangat bulan kemerdekaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan bantuan MAFI Prihatin dan kempen kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-64 dan 50 tahun LKIM kepada 32 penerima di Jeti Nelayan Batu 3, Segari di sini, hari ini.

Sementara itu, nelayan, Osman Mat Said, 37, berkata, dia mewakili komuniti nelayan setempat menghargai bantuan disalurkan itu terutama dalam situasi sukar ketika ini.

"Bantuan ini sangat membantu kerana sekarang kami tidak dapat keluar ke laut selalu berikutan kerap hujan, malah hasil laut agak kurang kerana musim obor-obor.

"Apabila obor-obor banyak di laut, kami sebagai nelayan pukat hanyut sukar menangkap ikan kerana lebih banyak obor-obor tersangkut di pukat berbanding ikan," katanya.



Pengarah LKIM Perak Mohamad Rizal Sahari (kanan) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada nelayan di Jeti Nelayan Batu 3, Segari di Lumut. FOTO NOOR HIDAYAH TANZIZI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## Lebih 1,000 Jalur Gemilang hiasi 30 bot nelayan [METROTV]



Kota Bharu: Semangat cinta kepada negara diluahkan menerusi hiasan lebih 1,000 Jalur Gemilang oleh 30 bot nelayan di Pantai Sabak di sini, hari ini.

Mereka menghias bot masing-masing sejak seminggu lalu untuk menyertai pertandingan Kibar Jalur Gemilang yang dianjurkan Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM) Kelantan, sekali gus bagi memeriahkan sambutan Kemerdekaan Negara yang ke-64.

Nelayan, Ramli Mat, 39, yang mendapat tempat pertama dalam pertandingan itu berkata, dia memperuntukkan lebih RM100 membeli Jalur Gemilang serta sumbangan bendera daripada LKIM.

Katanya, dia mengambil masa selama empat jam untuk menghias botnya yang dibuat bersama tiga awak-awak.

"Kami lakukan ini bagi menunjukkan semangat cintakan negara yang mencapai kemerdekaan sejak 64 tahun yang lalu.

"Pada masa yang sama, ia juga dapat memupuk semangat patriotik dalam diri saya dan rakan-rakan yang lain," katanya ketika ditemui di Pantai Sabak di sini, hari ini:

Bapa kepada enam anak itu berkata, setiap tahun dia tidak melepaskan peluang menghias bot miliknya dengan Jalur Gemilang.

Katanya, jika hari biasa botnya dipasang beberapa Jalur Gemilang sahaja namun sempena bulan kemerdekaan lebih 100 bendera dipasang.

Pemenang tempat kedua, Che Zakaria Abdul Ghani, 40, berkata, pertandingan itu juga dapat merapatkan tali silaturahim sesama nelayan.

"Walaupun, negara dan dunia berdepan dengan Covid-19, namun ia tidak menghalang kami untuk menunjukkan semangat cintakan negara dengan menghias bot sejak seminggu lalu.

"Kami tetap patuh dengan prosedur operasi standard (SOP) untuk mengekang penularan pandemik Covid-19," kata pesara tentera itu.

Sementara itu, Pengarah LKIM Kelantan Khuzaimah Husain berkata, selain untuk memeriahkan sambutan Kemerdekaan Negara, pertandingan itu juga bagi memupuk semangat kerjasama dan cintakan negara.

Katanya, pemenang pertama mendapat wang tunai RM300, diikuti RM200 dan RM100 bagi tempat kedua serta ketiga.



"Selain itu, kita juga menyampaikan bakul makanan kepada 30 nelayan menerusi bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin untuk meringankan beban mereka yang terkesan dengan Covid-19.

"Macam hari ini, saya dimaklumkan ada nelayan yang hanya dapat seekor ikan sahaja dan ia tidak dapat menampung kos minyak yang digunakan ketika pergi ke laut," katanya.



**Disiarkan pada: Ogos 30, 2021 @ 5:28pm**

**KHUZAIMAH Husain (kiri) melihat bendera Jalur Gemilang yang dipasang pada bot. FOTO Nik Abdullah Nik Omar**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20

## LKIM Perak agih bantuan bakul makanan berjumlah RM59,406

**Lumut:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak mengagihkan bantuan bakul makanan berjumlah RM59,406 kepada 4,206 komuniti nelayan susulan pandemik Covid-19 di seluruh negeri itu sejak Mac tahun lalu.

Pengarahnya, Mohamad Rizal Sahari berkata, ia digihkan melalui bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Prihatin.

Beliau berkata, LKIM sentiasa memainkan peranan sebagai agensi 'dipertanggungjawabkan' untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perikanan negara serta memastikan bekalan ikan mencukupi termasuk membantu nelayan yang memerlukan.

"Bantuan bakul makanan keperluan asas seperti tepung, beras, minyak, gula dan biskut diagihkan kepada nelayan sebagai tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial kita bersama Persatuan Nelayan

Kawasan.

"Selain mengagihkan bantuan, kami mengedar dan mengibarkan Jalur Gemilang bersama komuniti nelayan di jeti itu bagi menyemarakkan semangat bulan kemerdekaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan bantuan Mafi Prihatin dan kempen kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-64 dan 50 tahun LKIM kepada 32 penerima di Jeti Nelayan Batu 3, Segari di sini, semalam.

Sementara itu, nelayan, Osman Mat Said, 37, berkata, dia mewakili komuniti nelayan setempat menghargai bantuan disalurkan itu terutama dalam situasi sukar ketika ini.

"Bantuan ini membantu kerana sekarang kami tidak dapat keluar ke laut selalu berikutan kerap hujan, malah hasil laut agak kurang kerana musim obor-obor.

"Apabila obor-obor banyak di laut, kami sukar menangkap ikan kerana lebih banyak obor-obor tersangkut di pukut berbanding ikan," katanya.



Azli (kiri) membantu menghisab bot dengan Jalur Gemilang.  
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)



Penduduk Pemasapuri Bestari Seri Perantau, Pelabuhan-Klang memasangi Jalur Gemilang gergasi, semalam.  
(Foto Fadz Anwar/BH)

## 30 bot nelayan berarak kibar Jalur Gemilang

**Pasir Gudang:** Bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan Ke-64 hari ini, sebanyak 30 bot nelayan di Jeti Kampung Pasir Gudang Baru, di sini, berarak mengibarkan Jalur Gemilang.

Perarakan sejauh kira-kira satu kilometer itu adalah bagi menunjukkan nelayan di Johor mempunyai rasa kasih serta sayang yang tinggi terhadap negara.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Johor Selatan, Azli Mohd Azis, berkata acara perarakan Jalur Gemilang kali pertama dianjurkan nelayan kawasan itu bagi memperingati jerih payah golongan terdahulu berjuang untuk kemerdekaan.

“Perarakan mengibarkan Jalur Gemilang oleh 30 bot nelayan ini diadakan bermula di Jeti Kampung Pasir Gudang Baru sebelum kami berarak ke Sungai Masai Besar, sejauh kira-kira satu kilometer.”

“Oleh kerana wabak CO-

VID-19 dan juga Johor masih berada dalam Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN), perayaan nelayan tidak ramai serta perarakan tidak dapat dibuat di kawasan lebih jauh.

“Walaupun ringkas, ia tetap berlangsung meriah dan menunjukkan semangat patriotik golongan nelayan tetap tinggi,” katanya selepas menyertai perarakan itu.

Terdahulu, Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Johor, Intan Subhaila

Othman disertai Azli melepaskan 30 bot nelayan berarak mengibarkan Jalur Gemilang di Jeti Kampung Pasir Gudang Baru, di sini, semalam.

Pada majlis sama, LKIM Johor turut menyerahkan 30 Jalur Gemilang kepada nelayan kawasan berkenaan.

LKIM Johor turut menyerahkan bantuan bakul makanan kepada nelayan terbabit.

Sementara itu, Intan Subhaila berkata, penyerahan Jalur Gemilang dan bantuan bakul ma-

kan kepada nelayan kawasan itu adalah kesinambungan program bantuan yang dilaksanakan LKIM Johor.

“LKIM Johor sudah menyerahkan bantuan bakul makanan kepada kira-kira 2,000 nelayan terjejas, termasuk di kawasan Kampung Pasir Gudang Baru.

“Acara ringkas sambutan kemerdekaan negara ke-64 hari ini (semalam) juga diadakan serentak dengan sambutan ke-50 LKIM yang akan disambut 1 November setiap tahun,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Nekmat minta longgarkan kemasukan pekerja laut dalam



Deretan bot-bot nelayan yang tersadai berikutan ketiadaan awak-awak warga asing di jeti nelayan Kuala Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

ALOR SETAR: Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) meminta kerajaan melonggarkan proses kemasukan tenaga kerja asing mahir bagi menampung keperluan dalam industri perikanan laut dalam di negara ini.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari berkata, pada masa ini, tenaga kerja asing itu diperlukan untuk memastikan kira-kira 1,000 bot laut dalam di seluruh negara dapat kembali beroperasi seperti biasa.

Menurut beliau, ketiadaan pekerja asing tersebut menyebabkan kira-kira 20 peratus sahaja bot Zon C dan C2 laut dalam yang beroperasi ketika ini.

“Kekurangan pekerja asing menyebabkan bekalan ikan berkurangan sekali gus memerlukan kerajaan mengimport ikan dari luar negara,” kata beliau selepas majlis penyerahan bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin di Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Kedah, Kubang Rotan di sini hari ini.

Selain itu, Abdul Hamid berkata, difahamkan pengusaha bot masih perlu membayar sebanyak RM15,000 untuk membawa masuk seorang pekerja asing.

Katanya, bayaran tersebut merangkumi kos dokumen di Jabatan Imigresen, selain suntikan vaksin dan kuarantin.

“Harga itu itu terlalu tinggi dan tidak mampu ditampung pemilik bot tempatan,” katanya.

Menurutnya, keadaan tersebut menyebabkan pemilik bot tempatan ketika ini kian tersepit kerana perlu menyelenggara bot yang tersadai kira-kira dua tahun.

“Justeru kami berharap kerajaan menerusi MAFI dapat membantu dengan cara duduk semeja bersama agensi berkaitan, bagi mencari penyelesaian terhadap isu ini,” katanya.- UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	BERITA HARIAN		29

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD: 200801010222 (811670-U)



# 52 TAHUN BERSAMA, BAGAI AUR DENGAN TEBING

**Kepada Malaysia.**

Sejarah penubuhan Agrobank banyak berkisar mengenai mandat yang didokongnya untuk memaju dan memakmurkan sektor pertanian negara. Berpegang pada dedikasi dan keazaman yang tinggi, kami terus berilizam untuk melakar pelan pembangunan kami demi memperkasakan sektor pertanian untuk Malaysia.

Memimpin komuniti melangkah ke arah kejayaan dan terus mara ke hadapan sudah terpateri di dalam nadi kami. Walaupun dengan peredaran zaman, misi kami tetap teguh dan utuh untuk terus menggalas amanah ini untuk dilestarikan, dari generasi ke generasi.

Di Agrobank, kami percaya rangkuman kewangan adalah pemangkin yang memperkukuh pertumbuhan ekonomi serta memperkasakan individu dan komuniti bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

**Bersama, kami perkasakan pertanian, majukan komuniti dan bangunkan negara, dahulu, kini dan masa hadapan.**

*Selamat Hari Kebangsaan*




Imbas Kod QR untuk menonton video

www.agrobank.com.my    www.facebook.com/Agrobank    @AgrobankMy    AgrobankTV

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	SINAR HARIAN		7

SINAR HARIAN • SELASA 31 AGUST 2021

SIKAP PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 300201310322 (9118154)



REKOD KEKUALIFIKASIAN DAN GRED/STANDARD



MALAYSIA PRIHATIN



AGRO BANK



## 52 TAHUN BERSAMA, BAGAI AUR DENGAN TEBING

### Kepada Malaysia,


Sejarah penubuhan Agrobank pada tahun 1969 berkisar mengenai mandat yang didokongnya bersama **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAMFAR)** untuk memaju dan memajukan sektor pertanian negara. Berpegang pada dedikasi dan keazaman yang tinggi, kami terus beriltizam untuk melakar pelan pembangunan kami demi memperkasakan sektor pertanian untuk Malaysia.

Memimpin komuniti melangkah ke arah kejayaan dan terus mara ke hadapan sudah terpatari di dalam nadi kami. Walaupun dengan peredaran zaman, misi kami tetap teguh dan utuh untuk terus menggalas amanah ini untuk diestarkan, dari generasi ke generasi.

Di Agrobank, kami percaya rangkuman kewangan adalah pemangkin yang memperkukuh pertumbuhan ekonomi serta memperkasakan individu dan komuniti bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Bersama, kami perkasakan pertanian, majukan komuniti dan bangunkan negara, dahulu, kini dan masa hadapan.

*Selamat Hari Kebangsaan*



Imbas Kod QR untuk menonton video

[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)

[www.facebook.com/Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)

[AgrobankMY](https://www.instagram.com/AgrobankMY)

[AgrobankTV](https://www.youtube.com/AgrobankTV)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	THE STAR		17

BANK PERKAMPUNAN MALAYSIA BERHAD 202001010032 (811819-0)



# 52 YEARS TOGETHER AND LOOKING AFTER ONE ANOTHER

**Dear Malaysia,**

The narrative of early chronicles of Agrobank is to build and grow the nation's agriculture sector and therefore we are eager to map our own destiny, anchored by dedication and determination.

Leading the community to the sphere of success and advancement has always been in our DNA and as we passed the baton from one generation to another, our mission remains steadfast - to look after the agro community by providing comprehensive financial solution across the whole value chain that includes upstream and downstream activities.

Here at Agrobank, we always believe that financial inclusion is a powerful agent for strong and inclusive economic growth, empowering individuals and community to enhance their livelihood.

**Together, we are advancing agriculture, improving the community and building the nation.**

*Selamat Hari Kebangsaan*




Scan QR code to watch video

[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)
[www.facebook.com / Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)
[@AgrobankMy](https://www.instagram.com/AgrobankMy)
[AgrobankTV](https://www.youtube.com/AgrobankTV)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	MSN NEWS	ONLINE	

## Terpaut hati di jelapang padi



MENDENGAR bunyi kicauan burung, bayu bertiuip lembut dan deruan air sungai sambil melihat pemandangan sawah padi yang indah membuatkan sesiapa sahaja terpaut hati untuk meneroka kawasan itu.

Panorama sawah padi terbentang luas boleh disaksikan di beberapa lokasi di negara ini mampu menjadi daya tarikan untuk agropelancongan.

Aktiviti seperti pesta menuai padi, mengemping, 'mengoca' ikan selepas musim menuai dan bermain bola sepak sawah, selain tinggal di chalet buluh atau kabin antara pengalaman paling mengujakan bagi merasai kehidupan desa.

Di Sabak Bernam, Skinchan dan Sungai Besar, Selangor; Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan antara negeri terkenal sebagai jelapang padi negara menyumbang berjuta-juta tan beras setahun untuk menampung keperluan penduduk.

Malah, banyak kawasan sawah padi atau bekas sawah boleh dipopularkan sebagai produk baharu pelancongan.

Menyusur ke Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik, di Sik, Kedah, umpamanya menjanjikan pengalaman berbeza apabila ia diusahakan secara organik.

Menurut pengusahanya, Zakaria Kamantasha, 55, kawasan pesawah seluas 9.46 hektar itu diusahakan sejak 2009 bagi memastikan orang ramai dapat menikmati makanan asas yang sihat dan selamat.

Sejak mengusahakan pertanian organik, ladangnya mendapat perhatian pelancong dari seluruh dunia, sehingga majoritinya sanggup tinggal berbulan di situ untuk mempelajari teknik tanaman dan menjadi sukarelawan.

"Kira-kira 90 peratus pelancong dari luar negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom, Korea Selatan, Jepun,

Poland, New Zealand, Brazil, Arab Saudi, Indonesia, Belgium, Itali, Ireland dan lain-lain.

"Mereka adalah pelajar dan tenaga kerja profesional di negara tertentu yang mahu melakukan penyelidikan, belajar dan mempraktikkan cara tanaman di sini, di negara mereka," katanya.

Papar suasana perkampungan Melayu

Setiap pelancong yang menjadi sukarelawan boleh menginap di lapan chalet dibina menggunakan buluh dengan bayaran kira-kira RM30 sehari termasuk makan.

Selalunya mereka akan tinggal tiga bulan dan boleh menjangkau setahun mengikut keperluan penyelidikan mahu dilakukan.



"Kaedah penanaman padi organik dan beberapa tanaman lain seperti lemon dan durian berbeza kerana ia membabitkan beberapa prinsip unik seperti penyuburan tanah, pembenihan, penanaman, pembajaan dan pengairan tanpa membunuh serangga dan organisma baik dalam tanah.

"Prinsip dipraktikkan berhasil dan beras organik lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta tanpa menjejaskan alam sekitar," katanya.

Ladang itu turut menonjolkan budaya dan adat perkampungan Melayu dengan pembabitkan penduduk setempat yang turut bekerja di situ.

Pelancong diberi nama Melayu

Setiap pelancong tinggal di situ akan diberi nama baharu seperti Zulaikha, Umairah, Jamal, Huda, Abu Sufian dan nama lain dengan makna yang baik-baik.

"Pekerja memberi tunjuk ajar kepada pengunjung termasuk ada pelancong antarabangsa mengucapkan dua kalimah syahadah di ladang itu.

"Pelancong yang datang pasti akan menghubungi saya datang ke sini lagi, malah bagi mereka yang memeluk Islam, mereka akan terus mendalami agama di negara masing-masing," katanya.

Jadi pusat latihan pertanian organik

Kerajaan negeri dan universiti tempatan merancang menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran pertanian organik dalam golongan muda.

"Kami sedang merancang membantu anak asnaf di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) untuk belajar secara praktikal di sini selama enam bulan selepas pandemik COVID-19 reda," kata.

Menurut Ahli Parlimen Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman, selain Tasik Beris menjadi perhatian pengunjung ke Sik, Sri Lovely Organik Farm turut diangkat sebagai agro dan ekopelancongan utama di daerah itu.

Permohonan sudah dihantar kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadikan ladang itu sebagai institut latihan pertanian organik bersepadu sebelum pandemik COVID-19.

"Belia menganggur akan belajar teori dan praktikal pertanian organik selepas diluluskan kerajaan negeri, pada 2019," katanya

Bekas sawah di Negeri Sembilan

Tinjauan di Negeri Sembilan ada beberapa kawasan sawah padi dan bekas sawah berpotensi dijadikan sebagai produk agropelancongan kerana keunikan dan kedudukannya strategik.

Perkampungan Budaya Terachi Kuala Pilah dan Kampung Sungai Buluh Jelebu dipilih dan dimanfaatkan kerajaan Negeri Sembilan sebagai lokasi agropelancongan baharu di negeri itu.

Keindahan kawasan kampung tradisional yang dikelilingi sawah padi itu dieksploitasi pelancong tempatan dan luar negara.

Di samping itu boleh menikmati makanan tradisional Kuala Pilah di pelbagai tempat.

Bola sepak sawah

Aktiviti 'mengoca' ikan dan bola sepak sawah, diadakan saban tahun dan begitu terkenal dalam kalangan masyarakat negeri Adat Perpatih itu, antara aktiviti dinanti-nantikan.

Setiap tahun ia mencuri tumpuan selain menangkap ikan dan bermain bola di dalam kawasan sawah.

Di sini ada lapan kolam ngoca disediakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan di bawah Skim Pengairan Terachi Batu 17, seluas dua hektar.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun sebelum ini mengumumkan kerajaan negeri akan pelbagai aktiviti menarik termasuk penanaman padi pulut dikenali sebagai 'Padi Pulut Seri Menanti' (satu tapak) dan padi biasa (tujuh tapak) diusahakan penduduk tempatan dan menjadi sumber pendapatan mereka.

Di Kampung Sungai Buloh, terdapat kawasan sawah padi seluas 187 hektar.

Kawasan sawah padi dilihat berpotensi dijadikan lokasi agropelancongan seperti di Sungai Sireh Tanjung Karang dan Sawah Padi Sekinchan, Selangor.

Tahun lalu, sebanyak 1,470 tan metrik padi dihasilkan daripada kawasan ini bernilai RM1.7 juta.

"Ini menunjukkan potensi besar sawah padi ini untuk dikembangkan bukan sahaja dalam aspek pertanian, malahan agro-pelancongan menerusi kawasan sawah padi.

Pesta menuai padi

Pegawai Daerah Jelebu, Abdul Rahim A Aziz, berkata perkara menarik adalah pesta menuai padi, mengemping, mengoca dan sukan rakyat, manakala Empang Sungai Buluh dan Dataran Kenaboi adalah lokasi terakhir bagi program berkayak peringkat antarabangsa.

"Dengan penambahbaikan kemudahan awam dan fasiliti kawasan itu mampu menjadi tanda baharu berkaitan sawah padi dan pusat informasi sebagai pusat rujukan berkaitan padi serta proses penghasilan beras," katanya.

"Bagaimanapun, pandemik COVID-19 menyebabkan kampung itu sepi seketika daripada kunjungan pelancong.

"Kami berharap agar Kampung Sungai Buluh kembali ceria dengan kunjungan pelancong dan hasrat kerajaan negeri untuk memilih kampung ini sebagai destinasi pelancongan wajib di negeri itu," katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Terpaut hati di jelapang padi



Antara pelancong menjadi sukarelawan di Sri Lovely Organik Farm. - Foto/Facebook Sri Lovely Organik Farm.

MENDENGAR bunyi kicauan burung, bayu bertiup lembut dan deruan air sungai sambil melihat pemandangan sawah padi yang indah membuatkan sesiapa sahaja terpaut hati untuk meneroka kawasan itu.

Panorama sawah padi terbentang luas boleh disaksikan di beberapa lokasi di negara ini mampu menjadi daya tarikan untuk agropelancongan.

Aktiviti seperti pesta menuai padi, mengemping, 'mengoca' ikan selepas musim menuai dan bermain bola sepak sawah, selain tinggal di chalet buluh atau kabin antara pengalaman paling mengujakan bagi merasai kehidupan desa.

Di Sabak Bernam, Skinchan dan Sungai Besar, Selangor; Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan antara negeri terkenal sebagai jelapang padi negara menyumbang berjuta-juta tan beras setahun untuk menampung keperluan penduduk.

Malah, banyak kawasan sawah padi atau bekas sawah boleh dipopularkan sebagai produk baharu pelancongan.



Pemandangan indah di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik. - Foto/Facebook Sri Lovely Organik Farm

Menyusur ke Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik, di Sik, Kedah, umpamanya menjanjikan pengalaman berbeza apabila ia diusahakan secara organik.

Menurut pengusahanya, Zakaria Kamantasha, 55, kawasan pesawah seluas 9.46 hektar itu diusahakan sejak 2009 bagi memastikan orang ramai dapat

menikmati makanan asas yang sihat dan selamat.

Sejak mengusahakan pertanian organik, ladangnya mendapat perhatian pelancong dari seluruh dunia, sehingga majoritinya sanggup tinggal berbulan di situ untuk mempelajari teknik tanaman dan menjadi sukarelawan.

"Kira-kira 90 peratus pelancong dari luar negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom, Korea Selatan, Jepun,

Poland, New Zealand, Brazil, Arab Saudi, Indonesia, Belgium, Itali, Ireland dan lain-lain.

"Mereka adalah pelajar dan tenaga kerja profesional di negara tertentu yang mahu melakukan penyelidikan, belajar dan mempraktikkan cara tanaman di sini, di negara mereka," katanya.

Papar suasana perkampungan Melayu

Setiap pelancong yang menjadi sukarelawan boleh menginap di lapan chalet dibina menggunakan buluh dengan bayaran kira-kira RM30 sehari termasuk makan.

Selalunya mereka akan tinggal tiga bulan dan boleh menjangkau setahun mengikut keperluan penyelidikan mahu dilakukan.

"Kaedah penanaman padi organik dan beberapa tanaman lain seperti lemon dan durian berbeza kerana ia membabitkan beberapa prinsip unik seperti penyuburan tanah, pembenihan, penanaman, pembajaan dan pengairan tanpa membunuh serangga dan organisma baik dalam tanah.

"Prinsip dipraktikkan berhasil dan beras organik lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta tanpa menjejaskan alam sekitar," katanya.

Ladang itu turut menonjolkan budaya dan adat perkampungan Melayu dengan pembabitkan penduduk setempat yang turut bekerja di situ.

Pelancong diberi nama Melayu

Setiap pelancong tinggal di situ akan diberi nama baharu seperti Zulaikha, Umairah, Jamal, Huda, Abu Sufian dan nama lain dengan makna yang baik-baik.



Zakaria menunjukkan beras organik yang dihasilkan di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik.- Foto/Noorazura Abdul Rahman

"Pekerja memberi tunjuk ajar kepada pengunjung termasuk ada pelancong antarabangsa mengucapkan dua kalimah syahadah di ladang itu.

"Pelancong yang datang pasti akan menghubungi saya datang ke sini lagi, malah bagi mereka yang memeluk Islam, mereka akan terus mendalami agama di negara masing-masing," katanya.

Jadi pusat latihan pertanian organik

Kerajaan negeri dan universiti tempatan merancang menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran pertanian organik dalam golongan muda.

"Kami sedang merancang membantu anak asnaf di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) untuk belajar secara praktikal di sini selama enam bulan selepas pandemik COVID-19 reda," kata.

Menurut Ahli Parlimen Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman, selain Tasik Beris menjadi perhatian pengunjung ke Sik, Sri Lovely Organik Farm turut diangkat sebagai agro dan ekopelancongan utama di daerah itu.

Permohonan sudah dihantar kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadikan ladang itu sebagai institut latihan pertanian organik bersepadu sebelum pandemik COVID-19.

"Belia menganggur akan belajar teori dan praktikal pertanian organik selepas diluluskan kerajaan negeri, pada 2019," katanya

## Bekas sawah di Negeri Sembilan

Tinjauan di Negeri Sembilan ada beberapa kawasan sawah padi dan bekas sawah berpotensi dijadikan sebagai produk agropelancongan kerana keunikan dan kedudukannya strategik.



Waktu bermain bola sepak sawah selepas musim menuai di Kampung Terachi.- Foto Mohd Amin Jalil

Perkampungan Budaya Terachi Kuala Pilah dan Kampung Sungai Buluh Jelebu dipilih dan dimanfaatkan kerajaan Negeri Sembilan sebagai lokasi agropelancongan baharu di negeri itu.

Keindahan kawasan kampung tradisional yang dikelilingi sawah padi itu dieksploitasi pelancong tempatan dan luar negara.

Di samping itu boleh menikmati makanan tradisional Kuala Pilah di pelbagai tempat.

### Bola sepak sawah

Aktiviti 'mengoca' ikan dan bola sepak sawah, diadakan saban tahun dan begitu terkenal dalam kalangan masyarakat negeri Adat Perpatih itu, antara aktiviti dinanti-nantikan.

Setiap tahun ia mencuri tumpuan selain menangkap ikan dan bermain bola di dalam kawasan sawah.

Di sini ada lapan kolam ngoca disediakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan di bawah Skim Pengairan Terachi Batu 17, seluas dua hektar.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun sebelum ini mengumumkan kerajaan negeri akan pelbagai aktiviti menarik termasuk penanaman padi pulut dikenali sebagai 'Padi Pulut Seri Menanti' (satu tapak) dan padi biasa (tujuh tapak) diusahakan penduduk tempatan dan menjadi sumber pendapatan mereka.

Di Kampung Sungai Buluh, terdapat kawasan sawah padi seluas 187 hektar.

Kawasan sawah padi dilihat berpotensi dijadikan lokasi agropelancongan seperti di Sungai Sireh Tanjung Karang dan Sawah Padi Sekinchan, Selangor.

Tahun lalu, sebanyak 1,470 tan metrik padi dihasilkan daripada kawasan ini bernilai RM1.7 juta.

"Ini menunjukkan potensi besar sawah padi ini untuk dikembangkan bukan sahaja dalam aspek pertanian, malahan agro-pelancongan menerusi kawasan sawah padi.



Pengunjung berbasikal sambil menikmati suasana pemandangan indah sawah padi. - Foto/Mohd Amin Jalil.

### Pesta menuai padi

Pegawai Daerah Jelebu, Abdul Rahim A Aziz, berkata perkara menarik adalah pesta menuai padi, mengemping, mengoca dan sukan rakyat, manakala Empang Sungai Buluh dan Dataran Kenaboi adalah lokasi terakhir bagi program

berkayak peringkat antarabangsa.

"Dengan penambaaikan kemudahan awam dan fasiliti kawasan itu mampu menjadi tanda baharu berkaitan sawah padi dan pusat informasi sebagai pusat rujukan berkaitan padi serta proses penghasilan beras," katanya.

"Bagaimanapun, pandemik COVID-19 menyebabkan kampung itu sepi seketika daripada kunjungan pelancong.

"Kami berharap agar Kampung Sungai Buluh kembali ceria dengan kunjungan pelancong dan hasrat kerajaan negeri untuk memilih kampung ini sebagai destinasi pelancongan wajib di negeri itu," katanya.

# Kuala Pilah daerah agroekonomi

Oleh ZAKKINA WATI  
 AHMAD TARMIZI

MENTERI draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuala Pilah 2035, terdapat empat pelan strategik yang digariskan bagi pembangunan daerah yang berkeluasan 102,667 hektar tersebut.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia meliputi pembangunan kawasan agroekonomi bernilai komersial, pengurusan sumber mapan, pembangunan warisan dan pelancongan serta persekitaran hidup berdaya humi.

"Bagi membangunkan daerah Kuala Pilah sebagai agroekonomi aktif pertanian, peternakan dan perikanan yang berproduktiviti tinggi akan dilaksanakan antaranya tanaman padi Aerob di Taman Kekal Pengeluaran Makanan

Bagi membangunkan daerah Kuala Pilah sebagai agroekonomi berdaya maju, pembangunan aktiviti pertanian, peternakan dan perikanan yang berproduktiviti tinggi akan dilaksanakan antaranya tanaman padi Aerob."

## AMINUDDIN HARUN

(TKPMP) Ulu Muar dan tanaman jagung berskala besar di TKPMP Johol.

"Pembangunan sumber mapan pula, terdapat lima strategi pembangunan yang akan dilaksanakan termasuk

mengurus hal Pengurusan Kawasan Sensitif Alam sekitar (KSAS), pemeliharaan sistem saliran utama dan merancang sistem saliran dan perparitan secara efektif bagi mengurangkan risiko banjir," katanya.

Dalam draf berkenaan, beliau berkata, "Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia meliputi pembangunan kawasan agroekonomi bernilai komersial, pengurusan sumber mapan, pembangunan warisan dan pelancongan serta persekitaran hidup berdaya humi."



MENTERI Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun melihat peta guna tanah dalam Daraf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Pilah.

judkan kawasan Riparian Hidupan Liar yang berfungsi sebagai kawasan penampungan atau elemen pemisah fizikal daripada hidupan liar.

"Ia akan melibatkan kelompok kawasan berhutannya yang kecil dan menyediakan pan tanda amaran kepada laluan halwan liar," katanya.

Menurut Aminuddin, bagi membangunkan warisan dan pelancongan, pekan lama Kuala

Pilah dan pekan Johol akan dijadikan kawasan warisan selain penyediaan lebih banyak pakej pelancongan di daerah ini.

"Selain itu, terdapat pelan tindakan khas bagi menjadi warisan dan budaya utama di daerah ini sekali gus meningkatkan mengukuhkan lagi imej Seri Menanti sebagai bandar diraja," katanya.

Ujarnya, bagi persekitaran hidup yang berdaya humi antara

ra cadangannya adalah seperti mengukuhkan aktiviti ekonomi di penempatan desa selain merancang kawasan industri baharu bagi menampung keperluan sektor perindustrian akan datang.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan MDKP baru-baru ini telah menerima Amugerah Bandar Mampatan Negeri Sembilan 2020 oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).



31/8/2021

UTUSAN  
MALAYSIABERSAMA  
BEBASKAN  
COVID-19

18

# Kuala Pilah daerah agroekonomi

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
utusannews@mediamajlis.com.my

**MENERUSI** draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuala Pilah 2035, terdapat empat pelan strategik yang digariskan bagi pembangunan daerah yang berkeluasan 102,667 hektar tersebut.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia meliputi pembangunan kawasan agroekonomi bernilai komersial, pembangunan sumber mapan, pembangunan warisan dan pelancongan serta persekitaran hidup berdaya tinggi.

"Bagi membangunkan daerah Kuala Pilah sebagai agroekonomi berdaya maju, pembangunan aktiviti pertanian, peternakan dan perikanan yang berproduktiviti tinggi akan dilaksanakan antaranya tanaman padi Aerob di Ta-



**MENTERI Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun melihat peta guna tanah dalam draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Pilah.**

nan Kekal Pengeluaran Makanan (TKPPM) Ulu Muar dan tanaman jagung berskala besar di TKPPM Johol.

"Pembangunan sumber mapan pula, terdapat lima strategi pembangunan yang akan dilaksanakan termasuk mengurus hal Pengurusan Kawasan Sensitif Alam sekitar (KSAS), pemeliharaan sistem saliran utama dan merancang sistem saliran dan perparitan secara efektif bagi mengurangkan risiko banjir," katanya.

Dalam draf

berkenaan menurutnya, terdapat cadangan mewujudkan kawasan Riparian Hidupan Liar yang berfungsi sebagai kawasan penampungan atau elemen pemisah fizikal daripada hidupan liar.

"Ia akan melibatkan konsep koridor hidupan liar dalam kelompok kawasan berhutanan yang kecil dan menyediakan pelan tanda amaran kepada lautan haiwan liar," katanya.

Menurut Aminuddin, bagi pembangunan warisan dan pelancongan, pekan lama Kuala Pilah dan pekan Johol akan dijadikan kawasan warisan selain penyediaan lebih banyak pakej pelancongan di daerah ini.

"Selain itu, terdapat pelan tindakan khas bagi menjadi-

kan Seri Menanti sebagai pusat warisan dan budaya utama di daerah ini sekali gus meningkatkan dan mengukuhkan lagi imej Seri Menanti sebagai bandar diraja," katanya.

Ujarnya, bagi persekitaran hidup yang berdaya tinggi antara cadangannya adalah seperti mengukuhkan aktiviti ekonomi di penempatan desa selain merancang kawasan industri baharu bagi menampung keperluan sektor perindustrian akan datang.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan MDPK baru-baru ini telah menerima Anugerah Bandar Mampuan Negeri Sembilan 2020 oleh PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).



**AMINUDDIN HARUN**

**“Bagi membangunkan daerah Kuala Pilah sebagai agroekonomi berdaya maju, pembangunan aktiviti pertanian, peternakan dan perikanan yang berproduktiviti tinggi akan dilaksanakan antaranya tanaman padi Aerob...”**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/8/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1



Ikan popular Sungai Pahang kian pupus, cecah harga RM450 sekilogram

# Patin muncung harga emas



CONTOH ikan patin muncung yang kian pupus.

**AZIZAN ABDUL RAHMAN** (belakang) bersama rakannya menunjukkan ikan patin buah yang berjaya ditangkap di Sungai Pahang berhampiran Kampung Pangsenam di Temerloh baru-baru ini.

**IKAN** patin muncung yang menjadi buruan kerana keenakan isinya kini dianggap seperti emas apabila bernilai tinggi sehingga mencecah RM450 sekilogram ekoran spesies itu kian pupus dan sukar didapati di Sungai Pahang.

Rata-rata nelayan dan peniaga hidupan air tawar itu mendedahkan ikan patin muncung tidak lagi menerjah jaring atau masuk perangkap sejak tujuh tahun lalu berbanding patin buah yang masih mudah didapati di sepanjang Sungai Pahang.

**► LAPORAN PENUH DI MUKA 2**

Kali terakhir ditangkap tujuh tahun lalu, harga RM450 sekilogram

## Patin muncung sudah pupus

Oleh **ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN**

**TEMERLOH** – Nelayan dan penjual hidupan air tawar mendedahkan ikan patin muncung kini ibarat seperti emas ekoran spesies itu kian terancam dan kelibatnya tidak lagi kelihatan apatah lagi menerjah jaring atau perangkap yang dipasang di Sungai Pahang sejak tujuh tahun lalu.

Rata-rata mereka mendakwa, sekiranya berjaya ditangkap, harga ikan itu mencecah RM450 sekilogram dan peminatnya sanggup mengeluarkan duit untuk membelinya kerana rasanya yang halus, manis dan enak jika dimasak tempoyak atau kukus.

Seorang penjual ikan, Aizun Zainudin, 49, memberitahu, permintaan terhadap ikan itu begitu tinggi, namun bekalan amat sukar diperolehi kerana ikan patin muncung seakan sudah pupus sejak tujuh tahun lalu.

Katanya, kali terakhir dia melihat ikan itu ialah kira-kira 10 tahun lalu apabila berjaya menangkap tujuh ekor patin muncung seberat empat kilogram.

"Sekarang duit ada tetapi ikan pula tiada. Walaupun harganya mencecah RM450 sekilogram, namun peminat ikan air tawar tidak peduli dan membuat tempahan awal sekiranya ada tangkapan patin muncung.

"Siapa berjaya tangkap patin muncung, dia seumpama mendapat emas. Kalau tuba Sungai Pahang sekalipun tidak dapat dah sebab sudah pupus hinggalakan Jabatan Perikanan pun tidak berjaya dapat ikan itu untuk dibuat



**AIZUN** menunjukkan ikan patin buah (kanan) dan ikan keral yang ditangkap di Sungai Pahang sebelum dijual kepada pelanggan di Temerloh baru-baru ini.

benih," katanya kepada Kosmo.

Tambahnya, ikan berkenaan ditangkap menggunakan pukat atau rawai dan nelayan biasanya akan dapat menangkap ikan itu dengan jumlah yang banyak kerana ia bergerak secara berkumpulan di kawasan cetek.

Menurut Aizun, suasana akan menjadi riuh jika dimaklumkan nelayan dapat tangkap seekor ikan itu dan pasti ramai akan pergi ke kawasan yang didakwa untuk menangkapnya kerana ia bagaikan mencari emas.

"Mungkin sebab patin muncung berada di kawasan cetek menyebabkan ia senang pupus tidak macam patin buah yang

sering berada di kawasan-kawasan yang dalam," katanya.

Seorang lagi nelayan, Azizan Abdul Rahman, 30, berkata, ketika ini mereka hanya bergantung kepada tangkapan patin buah yang turut memberi pulangan lumayan iaitu RM160 sekilogram.

"Ia sering ditangkap penduduk dengan menggunakan kaedah merawai, memancing atau pukat. Spesies itu masih banyak dan baru-baru ini saya dapat menangkap ikan itu seberat lebih empat kilogram berhampiran Kampung Pangsenam di sini," katanya.

Sementara itu, penduduk Kampung Pagi di Jerantut, Marzuki Mohamad, 46, mengakui

agak sukar untuk mendapat patin muncung khususnya di Taman Negara Jerantut kerana ia sering berada di kawasan berpasir di sekitar Temerloh.

"Dahulu saya pernah dapat seekor di Temerloh itu pun anak patin muncung sahaja. Mungkin ia mulai pupus kerana ketiadaan makanan iaitu etak yang pernah diambil dengan banyak untuk dijual," katanya.

Tambahnya, Jabatan Perikanan perlu melakukan sesuatu untuk menghasilkan benih ikan tersebut kerana generasi sekarang tidak pernah melihatnya apatah lagi merasai keenakan isinya.

### Ikan patin

#### Jenis

- Patin muncung (*Helicophagus waandersii*)
- Patin buah (*Pangasius nasutus*)
- Patin Juara (*Pseudorasbora*)
- Patin seperti juara (*Pangasius polyuranodon*)

#### Habitat

- Ditemui sepanjang Sungai Pahang dari Sungai Tembeling ke Jerantut sehinggalah ke hilir Pekan

- Mudik ke hulu sungai apabila air naik awal musim hujan dan bergerak ke hilir di penghujung musim



#### Ciri ikan Patin Muncung

- Muncung memanjang, bulat dan langsing
- Mulut sempit dan bergigi kecil
- Isi halus, manis dan enak
- Sudah tidak ditemui sejak tujuh tahun lalu

#### Makanan

- Etak, haiwan bercengkerang dan siput



#### Ciri patin buah

- Muncung yang mengunjur dengan ketara dengan mulut menghalu ke bawah

- Bermata kecil

- Terdapat jalur hitam di hujung ekor

#### Antara Makanan

- Etak, haiwan bercengkerang, siput dan buah ara

## Mula terancam kerana tiada etak, siput

**TEMERLOH** – Populasi ikan patin muncung dikatakan mengalami kepupusan akibat tekanan permintaan dan ancaman terhadap habitatnya.

Ikan patin yang berbentuk muncung memanjang, hujung depan langsing, mulut sempit dan bergigi kecil itu dikatakan warisan istimewa yang hanya terdapat di Sungai Pahang.

Patin muncung merupakan antara ikan sungai kelas satu selain empat lagi spesies patin di

Pahang iaitu patin buah, patin juara dan patin seperti juara.

Pengaruh Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, sebelum ini ikan tersebut dengan mudah didapati di sepanjang Sungai Pahang dari arah Sungai Tembeling, Jerantut sehingga ke hilir di daerah Pekan, namun ia tidak lagi ditemui ketika ini.

Katanya, ikan itu perlu diklasifikasikan sebagai terancam dan memasuki senarai merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pe-

muliharaan Alam Semula Jadi.

"Induknya juga sukar diperolehi. Ia amat sensitif kepada perubahan persekitaran dan tabiat pemakanan yang selektif.

"Ia gemar makan etak iaitu haiwan bercengkerang dari jenis siput dan menjadi faktor ia agak sukar untuk didomestikasi," katanya.

Tambahnya, Jabatan Perikanan turut menawarkan bayaran munasabah kepada nelayan sekiranya dapat me-

nangkap ikan muncung untuk dibuat benih di Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok, Jerantut.

Menurut Abdullah, berbeza dengan patin buah kerana spesies itu masih mudah didapati di Sungai Pahang.

"Ia mempunyai mata kecil dan secara semula jadi ditemukan di sungai besar yang mempunyai lubang dalam dan ia mengemari buah ara sebagai makanannya," katanya.

### Harga sekilogram hidupan sungai

• Patin muncung	-	RM450
• Patin buah	-	RM160
• Patin sangkar	-	RM17
• Kelah	-	RM280
• Jelawat	-	RM280
• Kerai	-	RM95
• Tengalan	-	RM95
• Gohok	-	RM75
• Tapah	-	RM75
• Temalian	-	RM65
• Baung	-	RM40
• Udang galah	-	RM100